



AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

**AKPS KLIA PERKUKUH KEPAKARAN PEMERIKSAAN DOKUMEN
PERJALANAN MELALUI KERJASAMA ANTARABANGSA**

19 Jun 2025 (Khamis) | Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah menganjurkan Sesi Latihan Penilaian Dokumen dan Penumpang – Siri 1/2025 yang dikendalikan dengan kerjasama kedutaan asing.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan AKPS dalam memperkukuh profesionalisme dan keupayaan operasi barisan hadapan melalui perkongsian kepakaran antarabangsa serta kerjasama global yang strategik.

Melalui latihan Siri 1/2025 ini, seramai 20 pegawai AKPS KLIA yang terdiri daripada ketua-ketua pasukan dan anggota pasukan pemantau didedahkan kepada kaedah terkini dalam mengenal pasti dokumen palsu, corak perjalanan berisiko serta penilaian kelayakan penumpang dengan lebih efektif. Program ini turut membuka ruang kerjasama rentas negara dalam usaha membanteras aktiviti rentas sempadan yang menyalahi undang-undang seperti pemerdagangan manusia, penyeludupan dan penyalahgunaan dokumen perjalanan. Pakar-pakar terdiri daripada Airport Liaison Officers (ALO) dari Kanada, United Kingdom, Australia dan New Zealand. Latihan ini yang menyasarkan penyertaan pegawai AKPS pelbagai peringkat di KLIA 1 dan KLIA 2 termasuk pegawai di kaunter pemeriksaan imigresen akan diteruskan secara berkala.

AKPS KLIA akan terus mempergiat jalinan kerjasama antarabangsa bagi memastikan kawalan sempadan Malaysia berada pada tahap yang tertinggi dan selari dengan amalan terbaik antarabangsa.

Pautan gambar: <https://drive.google.com/drive/folders/1K5nV8Glt-i0rtN35met6hlwoIDaf9Ug0?usp=sharing>

TAMAT

19 MEI 2025

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN
SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)**